

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2006

Company No.

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006

KANDUNGAN	MUKASURAT
Laporan Pengarah	1 - 11
Penyata oleh para Pengarah	12
Pengakuan berkanun	12
Laporan oleh juruaudit	13
Kunci kira-kira	14
Kunci kira-kira dana hayat	15
Penyata pendapatan	16
Akaun hasil insurans hayat	17
Penyata perubahan dalam ekuiti	18
Penyata aliran tunai	19 - 20
Nota-nota kepada penyata kewangan	21 - 55

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2006.

KEGIATAN UTAMA

Syarikat terlibat secara utamanya dalam perniagaan pengunderaitan insurans hayat. Tidak ada perubahan yang ketara dalam sifat kegiatan ini di sepanjang tahun kewangan, kecuali Syarikat memulakan perniagaan pengunderaitan pelaburan - berkaitan pada 1 April 2005.

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM'000

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan

217

DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Mac 2005. Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2006.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan dalam tahun kewangan ditunjukkan dalam penyata kewangan.

PERUNTUKAN BAGI TUNTUTAN BELUM DIJELASKAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan terdapat peruntukan mencukupi bagi tuntutan yang ditanggung, termasuklah tuntutan Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR") .

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk serta membuat peruntukan bagi hutang ragu, dan bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira serta peruntukan mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah Syarikat tidak mengetahui sebarang keadaan yang menyebabkan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi hingga ke peringkat yang menjejaskan.

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah munasabah untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa selain daripada hutang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan biasa seperti yang dinyatakan dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan menyebabkan kaedah penilaian semasa yang sedia ada ke atas aset Syarikat yang mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan menyebabkan kaedah penilaian semasa yang sedia ada ke atas aset dan liabiliti Syarikat yang mengelirukan atau tidak wajar.

LIABILITI LUAR JANGKAAN DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang bayaran dikenakan ke atas aset-aset Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti sebarang pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti di luar jangkaan yang berhubung dengan Syarikat ditimbulkan sejak akhir tahun kewangan.

Tidak ada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti-liabiliti lain yang boleh dikuatkuasa atau mungkin boleh dikuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan daripada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat dengan secara mendalamnya untuk memenuhi segala kewajipan Syarikat apabila tiba masanya.

Untuk tujuan perenggan ini, liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak insurans yang diunderait dalam urusan biasa Syarikat.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan, yang tidak diambilkira dalam laporan atau penyata kewangan Syarikat, yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan yang mengelirukan.

PERKARA BERSIFAT LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, hasil kendalian Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang ketara dan luar biasa.

Dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini tidak menimbulkan sebarang perkara, yang ketara dan luar biasa daripada pendapat para Pengarah, mungkin menjejaskan secara ketara hasil kendalian Syarikat bagi tempoh kewangan yang dilaporkan.

TADBIR URUS KORPORAT

(a) Kepentingan dan komitmen

Syarikat, di bawah pimpinan Lembaga Pengarah ("Lembaga"), menggunakan pelbagai langkah yang perlu untuk memastikan amalan korporat dan pengurusannya konsisten dengan keperluan peraturan dan standard amalan terbaik yang ditahbiskan dalam JPI/GPI 25: Rangka Kerja Berhemat Tadbir Urus Korporat bagi Syarikat Insurans ("Rangka Kerja") yang dikeluarkan pada 10 Mei 2000 oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"). JPI 13/2005 yang dikeluarkan pada 19 Mei 2005 adalah tambahan kepada rangka kerja dengan garis panduan dan langkah tambahan yang perlu dipakai oleh syarikat insurans. Polisi Syarikat adalah untuk mencapai amalan terbaik dalam standard integriti perniagaan kami bagi kesemua aktiviti kami di dalam Syarikat. Ini termasuklah komitmen terhadap keperluan tadbir urus korporat yang mana Lembaga berperakui sebagai salah satu peranan utamanya.

(b) Isu dan aspek utama

Elemen utama tadbir urus korporat yang dinyatakan dalam Rangka Kerja adalah:

- i. Lembaga yang berkesan dan seimbang yang dilantik melalui prosedur perlantikan yang telah ditentukan;
- ii. Tahap imbuan eksekutif yang mampu menarik dan mengekalkan individu yang diperlukan untuk menguruskan Syarikat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Imbuan;
- iii. Sistem kawalan dalaman yang mantap untuk menjaga aset Syarikat dan pelaburan para pemegang saham dan mengenal pasti serta menguruskan risiko perniagaan.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(b) Isu dan aspek utama (Bersambung)

Komitmen Syarikat terhadap standard tadbir urus melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- i. Lembaga kami mempunyai gabungan Pengarah bebas dan bukan bebas. Lembaga terdiri daripada 8 orang Pengarah bukan eksekutif yang berpengalaman luas yang mana terdapat keseimbangan dalam Lembaga dengan kehadiran 2 orang Pengarah bukan eksekutif bebas yang mempunyai kaliber yang diperlukan untuk membuat keputusan Lembaga. Peranan Pengarah bukan eksekutif bebas adalah penting dalam memastikan strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diperiksa dengan teliti dan mengambil kira kepentingan jangka masa panjang para pemegang saham. Lembaga melantik Pengarah baru atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan.
- ii. Imbuan eksekutif ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuan. Polisi imbuan eksekutif Syarikat adalah selaras dengan amalan keseluruhan Syarikat untuk gaji dan faedah. Ini adalah untuk memberi ganjaran yang kompetitif kepada para pekerja dengan mengambil kira prestasi individu, prestasi syarikat, perbandingan pasaran dan tekanan saingan di dalam industri insurans tempatan. Pakej imbuan dikaji semula setiap tahun dan ia terdiri daripada gabungan gaji pokok dan elemen-elemen berkaitan prestasi.
- iii. Lembaga bertanggungjawab terhadap sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat dan mengkaji keberkesanan sistem yang direka untuk pengurusan, bukannya penghapusan, risiko kegagalan bagi mencapai objektif perniagaan. Ciri-ciri utama ialah:
 - Sebuah Jawatankuasa Risiko yang mengawasi and menyediakan hala tuju keseluruhan usaha pengurusan risiko;
 - Sistem kawalan kewangan dan perniagaan yang mantap, di mana operasinya dilaporkan dengan kerap oleh Ketua Pegawai Kewangan ("CFO") dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") kepada Lembaga Pengarah.
 - Penilaian kawalan dalaman yang kerap oleh jabatan audit dalaman Syarikat; dan
 - Kajian semula keberkesanan proses kawalan dalaman oleh Jawatankuasa Audit, bagi pihak Lembaga.

(c) Tanggungjawab Lembaga

Lembaga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap arah tuju strategik Syarikat dan mengawasi prestasi Syarikat. Fokusnya adalah:

- i. Strategi
- ii. Pembangunan
- iii. Nilai pemegang saham
- iv. Pemerhatian menyeluruh dan kawalan
- v. Tadbir urus korporat

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(d) Penyediaan maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan agenda dan laporan Lembaga dalam masa yang mencukupi sebelum mesyuarat Lembaga. Ini membolehkan para Pengarah memperoleh penjelasan lanjut, jika perlu, bagi mengetahui maklumat sebenar sebelum mesyuarat. Jika dan apabila perlu, Lembaga dalam melaksanakan tugas mereka mungkin meminta nasihat professional bebas menggunakan perbelanjaan Syarikat. Semua Pengarah berpeluang untuk memperoleh nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat.

Para Pengarah yang telah memegang jawatan semasa tempoh semenjak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

<u>Ahli Lembaga Pengarah</u>	<u>Kategori Pengarah</u>
Dato' Maznah bte Abdul Jalil (Pengerusi)	Pengarah bukan bebas
Lee Chin Yong (Timbalan Pengerusi)	Pengarah bukan bebas
Dato' Mohammed Adnan bin Datuk Shuaib	Pengarah bukan bebas
Kwok Chong See	Pengarah bukan bebas
Hashim bin Harun	Pengarah bukan bebas
Roza Shahnaz binti Omar (bersara berkuatkuasa 6 Mac 2006)	Pengarah bukan bebas
Chan Kok Seong (dilantik berkuatkuasa pada 11 Mei 2006)	Pengarah bukan bebas
Yeong Chee Wah	Pengarah bebas
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin	Pengarah bebas

Mesyuarat Lembaga dan kehadiran bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006 adalah seperti berikut:

<u>Para Pengarah</u>	<u>Bilangan Dalam Mesyuarat Lembaga</u>	
	<i>Diadakan</i>	<i>Kehadiran</i>
Dato' Maznah bte Abdul Jalil	6	5
Lee Chin Yong	6	5
Dato' Mohammed Adnan bin Datuk Shuaib	6	5
Kwok Chong See	6	6
Hashim bin Harun	6	6
Roza Shahnaz binti Omar (bersara berkuatkuasa 6 Mac 2006)	6	4
Yeong Chee Wah	6	6
Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin	6	6

(e) Perlantikan/perlantikan semula para Pengarah

Perlantikan/perlantikan semula para Pengarah adalah berdasarkan Tataurusan Pertubuhan Syarikat. Semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga tertakluk kepada pemilihan semula setiap tiga tahun oleh kerana itu satu pertiga daripada Pengarah (sesiapa yang paling lama bertugas) akan bersara atau dilantik semula.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(f) Latihan para Pengarah

Para Pengarah digalakkan menghadiri program dan seminar pendidikan secara berterusan untuk mengetahui perkembangan yang terkini dalam industri. Syarikat telah menubuhkan mekanisme bagi semua Pengarah untuk mengetahui perkembangan yang terkini dan keperluan perundangan dan peraturan yang baru secara kerap. Syarikat juga mempunyai rekod tentang program latihan Pengarah yang diadakan dan kehadiran para Pengarah di program tersebut.

(g) Penyata tanggungjawab Pengarah berkaitan dengan penyata kewangan

Akta Syarikat, 1965 mensyaratkan para Pengarah menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang disediakan mengikut standard perakaunan MASB yang diluluskan yang digunapakai di Malaysia dan memberikan gambaran yang sebenar dan adil tentang hal ehwal Syarikat di akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Syarikat semasa tahun kewangan.

Semasa menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- menggunakan polisi perakaunan yang sesuai dan menggunakannya secara konsisten;
- membuat pertimbangan dan anggaran yang wajar dan berhemat;
- memastikan bahawa semua standard perakaunan telah diikuti; dan
- menyediakan penyata kewangan berasaskan kepentingan semasa seperti mana yang dijangkakan oleh Pengarah dengan membuat pertanyaan untuk memastikan bahawa Syarikat mempunyai sumber yang cukup untuk meneruskan kewujudan operasi dalam jangka masa hadapan.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang memberikan kedudukan kewangan Syarikat secara tepat dan yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat, 1965.

Para Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah sewajarnya yang ada pada mereka untuk menjaga aset Syarikat atau untuk mengelakkan dan mengesan penipuan dan kejanggalan.

(h) Laporan Kewangan

Dalam menyediakan penyata kewangan tahunan, para Pengarah bermatlamat menyediakan penilaian kedudukan dan prospek Syarikat yang seimbang dan boleh difahami.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(i) Jawatankuasa Lembaga

Lembaga telah menetapkan tanggungjawab tertentu untuk enam jawatankuasa lembaga (Jawatankuasa Audit, Imbuan, Pencalonan, Pengurusan Risiko, Eksekutif dan Pelaburan), yang mana butirannya dinyatakan di bawah. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa isu-isu tertentu dan melaporkan kembali kepada Lembaga bersama syor mereka. Walau bagaimanapun, keseluruhan tanggungjawab bagi keputusan yang terakhir terhadap semua perkara akan ditentukan oleh Lembaga.

(j) Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit adalah dipengerusikan oleh En. Yeong Chee Wah dan terdiri daripada dua pengarah lain, iaitu En. Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin dan Dato' Mohammed Adnan bin Datuk Shuib (menggantikan Puan Roza Shahnaz binti Omar).

Jawatankuasa Audit mengkaji polisi perakaunan Syarikat, sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko, laporan daripada juruaudit dalam dan luar Syarikat dan menentukan tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak pengurusan. Keputusannya dilaporkan ke Lembaga yang bertanggungjawab menzahirkan tentang kawalan dalaman di dalam laporan tahunan.

Jawatankuasa Audit juga menimbang laporan kewangan Syarikat yang telah diterbitkan untuk kepatuhan berkanun dan untuk standard amalan terbaik serta mengesyorkan kepada Lembaga penzahiran yang sewajarnya bagi laporan ini. Ia juga mengkaji prestasi juruaudit luar Syarikat setiap tahun bagi memastikan perhubungan yang objektif, profesional dan kos efektif dikekalkan. Ia mengesyorkan kepada Lembaga yuran juruaudit luar bagi khidmat audit mereka

(k) Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada empat Pengarah dan dipengerusi oleh En. Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin. Ahli-ahli lain adalah Dato' Maznah bte Abdul Jalil, En. Lee Chin Yong dan En. Kwok Chong See. Puan Roza Shahnaz binti Omar bersara berkuat kuasa pada 6 Mac 2006.

Jawatankuasa Imbuan menetapkan polisi imbuan bagi para Pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan yang melaporkan kepada Lembaga. Secara khususnya, Jawatankuasa Imbuan mempersetujui kontrak perkhidmatan/pekerjaan, gaji, faedah-faedah lain, termasuk bonus dan penyertaan di dalam pelan insentif jangka panjang Syarikat, dan lain-lain terma dan syarat perkhidmatan/pekerjaan mereka.

Ia juga mempersetujui terma penamatan perkhidmatan/pekerjaan mereka. Ia juga meluluskan perubahan terhadap pelan insentif jangka panjang Syarikat, mengesyorkan kepada Lembaga pelan-pelan tersebut yang memerlukan persetujuan pemegang saham dan menyelia operasinya.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

(k) Jawatankuasa Imbuan (Bersambung)

Imbuan kepada para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO")

Imbuan beragregat kepada para Pengarah dan imbuan kepada Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") telah dinyatakan pada Nota 15 dalam penyata kewangan, mengikut garis panduan minimum JPI: 32/2003.

l) Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan yang ditubuhkan pada Julai 2003 dipengerusikan oleh En. Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin dan disertai oleh Dato' Maznah bte Abdul Jalil, En. Lee Chin Yong, En. Kwok Chong See dan Dato' Mohammed Adnan bin Datuk Shuaib (menggantikan Puan Roza Shahnaz binti Omar). Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan kepada Lembaga kesemua perantikan Pengarah dan mengkaji semula dari masa ke semasa profil kemahiran dan atribut yang perlu ada pada para Pengarah bagi memastikan imbangan yang wajar bagi kemahiran dan keupayaan. Profil ini digunakan untuk menilai kesesuaian calon sebagai Pengarah sebagaimana yang telah disyorkan oleh para Pengarah dan pemegang saham.

m) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan pada Julai 2003 dan dipengerusi oleh En. Yeong Chee Wah, dan disertai oleh En. Lee Chin Yong dan Dato' Mohammed Adnan bin Datuk Shuaib. Peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- mengawasi kemajuan keupayaan pengurusan risiko dan pembangunan budaya risiko yang boleh diterima oleh Syarikat;
- mengkaji kemantapan mengenalpasti, menilai, mengawal dan menguruskan risiko secara keseluruhan kumpulan dan menilai keberkesanannya dengan kerap;
- mengawasi pembangunan polisi dan prosedur risiko am dan mengawal serta menilai keberkesanannya;
- mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko dalam cara yang konsisten dengan objektif pengurusan risiko keseluruhan Syarikat

n) Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada Mac 2003, dipengerusikan oleh Dato' Maznah bte Abdul Jalil dan disertai oleh En. Lee Chin Yong, En. Kwok Chong See dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), En. Ooi Say Teng. Ia mengkaji perkara yang berkait dengan operasi Syarikat dan diberikan kuasa oleh Lembaga untuk membuat keputusan yang berkesan dan efisien.

Company No.

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

TADBIR URUS KORPORAT (BERSAMBUNG)

o) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan dipengerusikan oleh Dato' Maznah bte Abdul Jalil dan disertai oleh En. Lee Chin Yong, En. Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin, En. Ooi Say Teng and En. Lai You Kim, Ketua Aktuari Syarikat dan Aktuari Yang Dilantik. Jawatankuasa Pelaburan diberi kuasa oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dan pihak pengurusan dalam pelaksanaan tanggungjawab dan akauntabiliti strategik di dalam bidang pelaburan Syarikat. Mesyuaratnya juga dijadualkan supaya serentak dengan mesyuarat Lembaga. Jawatankuasa perlu melaporkan kepada Lembaga tentang keputusan, pemerhatian dan cadangan untuk dibincangkan dan dikeluarkan secara rasmi oleh Lembaga berkaitan dengan aktiviti pelaburan Syarikat.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

KEPENTINGAN SAHAM PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham Pengarah, butiran kepentingan Pengarah yang memegang jawatan pada penghujung tahun kewangan yang mempunyai saham dan opsyen bagi saham dalam DRB-HICOM Berhad iaitu syarikat pegangan utama, adalah seperti berikut:

	<u>Bilangan saham biasa RM1.00 setiap satu</u>			
	<u>Pada</u> <u>1.4.2005</u>	<u>Diperolehi</u>	<u>Dijual</u>	<u>Pada</u> <u>31.3.2006</u>
Kepentingan terus:				
Dato' Maznah bte Abdul Jalil	500,000	650,500	600,000	550,500
Chan Kok Seong	5,000	-	-	5,000

	<u>Bilangan opsyen berbanding saham biasa RM1.00 setiap satu</u>			
	<u>Pada</u> <u>1.4.2005</u>	<u>Diluluskan</u>	<u>Dilaksanakan</u>	<u>Pada</u> <u>31.3.2006</u>
Kepentingan terus:				
Dato' Maznah bte Abdul Jalil	104,000	-	104,000	-

Selain daripada yang dicatat di atas, tiada Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya semasa tahun kewangan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Dalam dan pada akhir tahun kewangan, tidak ada aturan yang wujud di mana Syarikat merupakan satu pihak dengan objek dan objek-objek yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat dengan mendapatkan pemerolehan saham atau debentur oleh Syarikat atau mana-mana badan korporat selain daripada opsyen ke atas saham-saham yang diberikan oleh DRB-HICOM Berhad, syarikat pemegang induk, kepada para Pengarah Syarikat selaras dengan Skim Opsyen Saham Kakitangan syarikat pemegang induk.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah Syarikat telah menerima atau menjadi berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada yuran Pengarah sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata-penyata kewangan) atas alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang Pengarah adalah ahli atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Company No.

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH (BERSAMBUNG)

SYARIKAT PEMEGANGAN INDUK

Para Pengarah menganggap DRB-HICOM Berhad, sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat pemegang induk.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 26 Mei 2006.

DATO' MAZNAH BTE ABDUL JALIL
PENGERUSI

LEE CHIN YONG
PENGARAH

Shah Alam, Selangor

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA OLEH PARA PENGARAH SELARAS DENGAN
SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Dato' Maznah binti Abdul Jalil dan Lee Chin Yong, dua pengarah, menyatakan pada pendapat Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 14 hingga 55 telah disusun untuk menunjukkan gambaran benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat pada 31 Mac 2006 dan keputusan operasi serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir berkenaan adalah mengikut standard perakaunan MASB yang dipakai guna dan diluluskan di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2006.

DATO' MAZNAH BTE ABDUL JALIL
PENGERUSI

LEE CHIN YONG
PENGARAH

Shah Alam, Selangor

**PERAKUAN SELARAS DENGAN
SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Ho Teck Seng, pegawai yang bertanggungjawab secara utamanya ke atas pengurusan kewangan Uni.Asia Life Assurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 14 hingga 55, pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat perakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai yang sama sebagai benar dan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun 1960.

Ho Teck Seng

Ditandatangani dengan sesungguhnya oleh penama di atas, Ho Teck Seng di Shah Alam, Selangor dalam Malaysia pada 26 Mei 2006, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH

LAPORAN JURUAUDIT
KEPADA AHLI-AHLI UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(No. Syarikat 277714 A)

Kami telah mengaudit keseluruhan penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 14 hingga 55. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan audit kami, sebagai sebuah badan, berdasarkan pada Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan atas sebab-sebab yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada individu lain terhadap kandungan laporan ini.

Kami mengendalikan audit kami selaras dengan piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyataan ketara. Sesuatu audit merangkumi memeriksa, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong amaun dan pernyataan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia agar memberi padangan yang benar dan saksama mengenai:
 - (i) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk dinyatakan dalam penyata kewangan; dan
 - (ii) hal - ehwal Syarikat pada 31 Mac 2006 dan hasil kendalian serta aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut;
- dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sewajarnya selaras dengan peruntukan Akta.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Awam

JAYARAJAN A/L U. RATHINASAMY
(No. 2059/06/06 (J))
Rakan Firma

Kuala Lumpur
26 Mei 2006

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA – KIRA
PADA 31 MAC 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
ASET			
Aset dana pemegang saham			
Harta, loji dan peralatan	3	1,440	1,470
Pelaburan	4	38,470	37,997
Cukai aset tertunda	10	6,044	6,588
Jumlah diterima	6	50,161	50,286
Tunai dan setara tunai	7	300	588
Cukai pulih		247	-
		<hr/>	<hr/>
Jumlah aset dana Pemegang Saham		96,662	96,929
Jumlah aset dana Hayat (mukasurat 15)		882,710	704,871
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH ASET		979,372	801,800
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
LIABILITI			
Liabiliti dana pemegang saham			
Jumlah perlu dibayar	9	258	268
Cukai yang perlu dibayar		-	474
Cukai liabiliti tertunda	10	11	11
		<hr/>	<hr/>
Jumlah liabiliti dana Pemegang Saham		269	753
Jumlah liabiliti dana Hayat (mukasurat 15)		73,925	122,015
Jumlah dana pemegang polisi Hayat	12	808,785	582,856
		<hr/>	<hr/>
		882,979	705,624
		<hr/>	<hr/>
EKUITI PEMEGANG SAHAM			
Modal saham	13	125,000	125,000
Kerugian terkumpul		(28,813)	(29,030)
Rizab penilaian semula		206	206
		<hr/>	<hr/>
		96,393	96,176
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM		979,372	801,800
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Nota yang disertakan menjadi sebahagian daripada penyata kewangan.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA DANA HAYAT
PADA 31 MAC 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
ASET			
Harta, loji dan peralatan	3	4,467	2,896
Pelaburan	4	716,868	658,499
Pinjaman	5	15,614	14,007
Cukai pulih		336	357
Jumlah diterima	6	29,771	12,198
Tunai dan setara tunai	7	3,888	16,914
Dana aset pelaburan - berkaitan	20	111,766	-
JUMLAH ASET DANA HAYAT		<u>882,710</u>	<u>704,871</u>
LIABILITI			
Peruntukan bagi tuntutan belum dijelaskan	8	7,958	5,231
Jumlah perlu dibayar	9	63,433	115,856
Cukai liabiliti tertunda	10	928	928
Dana liabiliti pelaburan - berkaitan	20	1,606	-
Jumlah liabiliti dana Hayat		<u>73,925</u>	<u>122,015</u>
DANA PEMEGANG POLISI HAYAT			
Akaun hasil insurans hayat		800,033	574,104
Rizab penilaian semula	11	8,752	8,752
Jumlah Dana pemegang polisi hayat	12	<u>808,785</u>	<u>582,856</u>
JUMLAH LIABILITI DANA HAYAT DAN DANA PEMEGANG POLISI HAYAT		<u>882,710</u>	<u>704,871</u>

Nota yang disertakan menjadi sebahagian daripada penyata kewangan.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Hasil kendalian	14	<u>302,151</u>	<u>266,090</u>
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	16	1,632	2,351
Lain-lain perbelanjaan kendalian - bersih	17	(633)	(1,991)
Perbelanjaan pengurusan	15	<u>(368)</u>	<u>(691)</u>
		631	(331)
Pemindahan kepada akaun hasil		-	<u>(12,000)</u>
Keuntungan / (kerugian) sebelum cukai		631	<u>(12,331)</u>
Cukai	18	<u>(414)</u>	<u>1,026</u>
Keuntungan / (kerugian) bersih tahun kewangan		<u>217</u>	<u>(11,305)</u>
Pendapatan / (kerugian) sesaham (sen)	19	<u>0.17</u>	<u>(10.09)</u>

Nota yang disertakan menjadi sebahagian daripada penyata kewangan.

Company No.

277714	A
--------	---

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS HAYAT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
Premium kasar		268,042	243,395
Insurans semula		(2,832)	(2,015)
Premium bersih		<u>265,210</u>	<u>241,380</u>
Faedah kasar dibayar dan perlu dibayar			
Kematian		(6,317)	(4,170)
Kematangan		(498)	(636)
Serahan		(18,707)	(8,340)
Bonus tunai		(4)	1
Lain-lain		(7,370)	(5,697)
Insurans dipulih semula		1,020	809
		<u>(31,876)</u>	<u>(18,033)</u>
		233,334	223,347
Komisen dan perbelanjaan agensi		(18,191)	(17,063)
Perbelanjaan pengurusan	15	(21,967)	(17,746)
		<u>193,176</u>	<u>188,538</u>
Pendapatan pelaburan	16	30,413	20,344
Lain – lain pendapatan / (perbelanjaan) kendalian – bersih	17	3,051	(7,865)
Lebihan sebelum cukai		226,640	201,017
Cukai	18	(2,197)	(1,299)
Lebihan selepas cukai		224,443	199,718
Lebihan dari dana Pelaburan - berkaitan	20	1,486	-
		<u>225,929</u>	<u>199,718</u>
Dana pemegang polisi hayat pada awal tahun kewangan		574,104	362,386
		<u>800,033</u>	<u>562,104</u>
Pemindahan daripada penyata pendapatan		-	12,000
Dana pemegang polisi hayat pada akhir tahun kewangan		<u>800,033</u>	<u>574,104</u>

Nota yang disertakan menjadi sebahagian daripada penyata kewangan

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006

	Saham biasa diterbitkan dan berbayar penuh bernilai RM1 sesaham				
	<u>Bilangan saham</u>	<u>Nilai nominal RM'000</u>	<u>Penilaian semula rizab RM'000</u>	<u>Kerugian terkumpul RM'000</u>	<u>Jumlah RM'000</u>
Baki pada 1 April 2005	125,000	125,000	206	(29,030)	96,176
Keuntungan bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	217	217
Baki pada 31 Mac 2006	<u>125,000</u>	<u>125,000</u>	<u>206</u>	<u>(28,813)</u>	<u>96,393</u>
Baki pada 1 April 2004	100,000	100,000	-	(17,725)	82,275
Diisukan semasa tahun kewangan	25,000	25,000	-	-	25,000
Keuntungan bersih tidak diakui dalam penyata pendapatan:					
- lebihan penilaian semula timbul semasa tahun kewangan	-	-	217	-	217
- liabiliti cukai tertunda di atas penilaian semula harta	-	-	(11)	-	(11)
	-	-	206	-	206
Kerugian bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	(11,305)	(11,305)
Baki pada 31 Mac 2005	<u>125,000</u>	<u>125,000</u>	<u>206</u>	<u>(29,030)</u>	<u>96,176</u>

Nota yang disertakan menjadi sebahagian daripada penyata kewangan.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006

	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN		
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun kewangan	217	(11,305)
Pelarasan untuk:		
Lebihan dana Hayat selepas cukai	225,929	199,718
Pemindahan dari penyata pendapatan ke dana Hayat	-	12,000
Susut nilai bagi harta, loji dan peralatan	1,741	1,203
Keuntungan dari pelupusan harta, loji dan peralatan	(105)	(104)
Pendapatan pelaburan	(34,109)	(22,695)
Keuntungan ke atas pelupusan pelaburan (Penghapusan)/elaun bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	(357)	(42)
Penambahan nilai pelaburan dalam Pelaburan - berkaitan	(1,549)	9,978
Cukai	(1,561)	-
Penghapusan elaun hutang ragu	2,922	273
	(125)	(231)
Keuntungan kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti	<hr/> 193,003	<hr/> 188,795
Pembelian sekuriti pelaburan	(332,634)	(270,679)
Perolehan dari pelupusan sekuriti	193,224	86,226
Peningkatan dalam pinjaman diterima	(1,607)	(385)
Peningkatan dalam deposit tetap dan panggilan	(31,712)	(81,981)
Peningkatan dalam jumlah diterima	(45)	(2,062)
Peningkatan dalam peruntukan bagi tuntutan belum dijelas (Pengurangan) / peningkatan dalam jumlah dibayar	2,727	1,171
Faedah pendapatan diterima	(51,007)	42,815
Dividen pendapatan diterima	23,502	16,878
Sewa pendapatan diterima	6,368	3,005
	313	168
Aliran tunai daripada /(diguna dalam) kendalian	<hr/> 2,132	<hr/> (16,049)
Pembayaran cukai pendapatan	(2,942)	(2,479)
Tunai bersih diguna dalam kegiatan kendalian	<hr/> (810)	<hr/> (18,528)

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)

	<u>Nota</u>	<u>2006</u> RM'000	<u>2005</u> RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN			
Belian harta pelaburan		(7,481)	-
Belian harta, loji dan peralatan		(3,298)	(1,264)
Perolehan daripada pelupusan harta, loji dan peralatan		121	104
		<u>(10,658)</u>	<u>(1,160)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN			
Perolehan daripada terbitan saham		-	25,000
		<u>-</u>	<u>25,000</u>
Tunai bersih dihasilkan dalam kegiatan pembiayaan		-	25,000
		<u>-</u>	<u>25,000</u>
(PENGURANGAN) / PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN		(11,468)	5,312
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		<u>17,502</u>	<u>12,190</u>
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	7	<u>6,034</u>	<u>17,502</u>

Nota yang disertakan menjadi sebahagian daripada penyata kewangan.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006

1 AKTIVITI UTAMA

Syarikat, secara utamanya terlibat dalam perniagaan pengunderaitan insurans hayat. Tidak terdapat apa-apa perubahan penting dalam jenis-jenis aktiviti ini semasa tahun kewangan, kecuali Syarikat telah memulakan perniagaan pengunderaitan pelaburan - berkaitan pada 1 April 2005.

Bilangan kakitangan pada akhir tempoh kewangan Syarikat adalah 173 (2005: 155).

Syarikat ini merupakan syarikat liabiliti awam berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 9, Menara Uni.Asia, 1008, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di 16, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad ialah Uni.Asia Capital Sdn. Bhd. dan DRB-HICOM Berhad, kedua-duanya diperbadankan di Malaysia.

Penyata kewangan disahkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi Pengarah pada 26 Mei 2006.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam urusan perkara-perkara yang dianggap penting yang berkaitan dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata-penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah sebagaimana diubahsuai melalui penilaian semula harta-harta serta mematuhi piawai perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Akta Insurans, 1996 dan surat pengumuman yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam kesemua aspek material.

Penyediaan penyata kewangan mengikut kesesuaian oleh Akta Syarikat 1965 dan piawai perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pemberitahuan aset luar jangkaan dan liabiliti pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan semasa tahun kewangan yang dilaporkan. Walaupun anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Pengarah mengenai perkembangan dan langkah terkini di dalam industri, keputusan sebenar boleh berbeza daripada anggaran yang ditetapkan.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

(b) Harta, loji dan peralatan

Harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian semula selepas ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kerosakan.

Harta yang dikelaskan di bawah harta, loji dan peralatan yang dipegang di bawah dana Pemegang Saham sebahagian besarnya dipegang oleh Syarikat.

Harta-harta di bawah dana Pemegang Saham pada mulanya dinyatakan pada kos dan kemudiannya dinilai semula oleh para Pengarah, berdasarkan penilaian bebas nilai pasaran terbuka yang dijalankan oleh jurunilai profesional. Harta-harta tersebut dinilai semula setiap tiga tahun sekali atau lebih awal sekiranya jumlah dinilai semula adalah jauh lebih tinggi daripada nilai pasaran.

Lebihan yang timbul dari penilaian semula aset pemegang saham kecuali lebihan, hingga ke satu tahap yang mana lebihan adalah berkaitan dan tidak lebih daripada defisit yang timbul atas penilaian semula yang mana sebelumnya direkodkan sebagai perbelanjaan, adalah dikreditkan sebagai pendapatan. Defisit yang timbul atas penilaian semula diiktiraf sebagai perbelanjaan berkecuali, hingga ke satu tahap di mana defisit adalah berkaitan kepada lebihan yang mana sebelumnya direkodkan sebagai kredit kepada akaun rizab penilaian semula aset yang mana masih belum digunakan atau berikutan pembatalan, ianya akan dicaj terus kepada akaun.

Bagi pelupusan aset yang dinilai semula, jumlah yang tinggal dari lebihan penilaian semula yang berkait dengan aset tersebut dipindahkan kepada pendapatan yang dikekalkan.

Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan. Susutnilai ke atas harta, loji dan peralatan lain diperuntukkan atas dasar garisan lurus untuk menghapuskan kos setiap aset ke atas anggaran hayat kegunaan.

Kadar tahunan utama susutnilai adalah seperti berikut:

Bangunan pegangan bebas	2%
Kenderaan bermotor	20%
Kelengkapan pejabat	25%
Perabot, lekapan dan kelengkapan	20%
Kelengkapan komputer	20% - 33 1/3%

Dimana petanda kerosakan wujud, jumlah dibawa dari pelaburan harta ditaksirkan dan dicatatkan serta – merta kepada jumlah pulih. Sila lihat polisi perakaunan Nota 2(e) mengenai kerosakan aset.

(c) Harta-harta pelaburan

Harta dipegang oleh dana insurans Hayat dianggap sebagai harta-harta pelaburan.

Harta-harta pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos dan selepas itu dinilai semula oleh para Pengarah, berdasarkan penilaian bebas nilai pasaran terbuka oleh jurunilai profesional, dengan tambahan berikutnya dinyatakan pada kos. Hartanah pelaburan tidak menyusut. Harta-harta pelaburan telah dinilai semula sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun atau lebih awal sekiranya jumlah yang dinilai semula adalah jauh lebih tinggi daripada nilai pasaran.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

(c) Harta-harta pelaburan (bersambung)

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula harta-harta pelaburan dana Hayat dikreditkan secara langsung kepada rizab penilaian semula aset dalam dana hayat pemegang polisi kecuali lebihan, pada suatu tahap berkaitan dengan dan tidak lebih dari defisit yang timbul semasa penilaian semula dikenal pasti sebagai perbelanjaan, dikreditkan ke pendapatan. Defisit yang timbul semasa penilaian semula dikenal pasti sebagai perbelanjaan, kecuali pada suatu tahap defisit itu berkaitan dengan lebihan yang mana sebelumnya direkodkan sebagai kredit kepada rizab penilaian semula yang mana tidak diterbalikkan atau digunakan kemudiannya akan dicajkan terus ke akaun tersebut. Bahagian daripada lebihan yang dinilai oleh aktuari yang dilantik oleh Syarikat diperuntukkan kepada pemegang-pemegang polisi penyertaan boleh diagihkan sebagai bonus kepada pemegang-pemegang polisi tersebut.

Apabila hartanah dijual, perbezaan antara perolehan bersih dan jumlah bawa dikenalpasti dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil. Penghapusan ke atas aset-aset yang dinilai semula dana Hayat, amaun lebihan penilaian yang tinggal berkaitan dengan aset-aset tersebut adalah dipindahkan ke akaun hasil dalam dana hayat.

Dimana petanda kerosakan wujud, jumlah dibawa dari pelaburan harta ditaksirkan dan dicatatkan serta – merta kepada jumlah pulih. Sila lihat polisi perakaunan Nota 2(e) mengenai kerosakan aset.

(d) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti hutang korporat diluluskan sebagaimana ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dinyatakan pada kos diselaraskan bagi pelunasan premium-premium atau pemberian diskaun, dikira atas dasar penghasilan efektif ke atas tempoh dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang kecuali dimana terdapat tanda – tanda kerosakan, pelaburan akan dihapuskan kepada nilai direalisasi bersih. Pelunasan premium dan penambahan diskaun dikenalpasti dalam penyata pendapatan dan akaun hasil.

Pelaburan yang disebut harga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah ditentukan berasaskan agregat portfolio bagi setiap kategori pelaburan, sekiranya pengurangan nilai sesebuah pelaburan tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan yang tetap akan dibuat untuk nilai pelaburan berkenaan. Nilai pasaran ditentukan melalui rujukan kepada harga penutup bursa saham pada tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada kos dan elaun pada mana – mana pengurangan nilai dibuat, di mana para Pengarah berpendapat terdapat kemerosotan dan nilai sementara dalam pelaburan. Dimana terdapat kemerosotan selain dari sementara dalam nilai pelaburan, kemerosotan dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun kemerosotan dikenal pasti.

Pelaburan dana pelaburan – berkaitan adalah dinilai pada nilai pasar pada tarikh kunci kira – kira bagi pelaburan disebut harga dan harga disebut oleh institusi kewangan pada tarikh kunci kira – kira bagi sekuriti hutang korporat tidak di sebut harga. Mana – mana kenaikan atau pengurangan dalam nilai pelaburan tersebut akan diletakkan ke penyata pendapatan dan perbelanjaan dana Pelaburan – berkaitan;

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

(e) Rosot nilai

Nilai aset dibawa diteliti apabila terdapat tanda-tanda yang berkemungkinan adanya rosot nilai. Rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai aset dibawa dengan jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang diperolehi semula adalah lebih tinggi dari nilai terealis semula bersih dan nilai kegunaan yang diukur berdasarkan rujukan kepada aliran tunai berdiskaun. Jumlah yang diperolehi semula dianggarkan untuk aset individu, atau jika ia tidak boleh dilakukan, untuk unit yang mendatangkan tunai.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dengan serta merta melainkan set dibawa kepada jumlah yang dinilai semula. Kerugian rosot nilai bagi aset yang dinilai semula dikira sebagai defisit penilaian semula sehingga lebih penilaian semula yang diperakui bagi aset yang sama.

Peningkatan seterusnya dalam jumlah diperolehi semula sesebuah aset dianggap sebagai tukar ganti kerugian sebelumnya dan dikenalpasti sehingga tahap jumlah aset dibawa yang telah ditentukan (pelunasan dan penyusutan bersih) jika memiliki rosot nilai. Tukar ganti tersebut dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dengan serta merta, kecuali aset dibawa terbabit pada jumlah yang dinilai semula. Pembalikan kerugian rosot nilai bagi aset terbabit dinilai semula yang sama telah diperakui sebelumnya sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun perolehan, tukar ganti kerugian kerosakan tersebut dimasukkan sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dan/atau perolehan.

(f) Jumlah diterima

Dagangan jumlah diterima dikenalpasti pada jumlah invoice kurang daripada elaun yang dibuat bagi hutang ragu.

Hutang ragu yang dikenalpasti dihapuskan dan peruntukan khusus dibuat untuk sebarang premium termasuk baki ejen atau baki insurans semula yang kekal tidak berbayar untuk tempoh lebih enam bulan dari tarikh ia mula menjadi belum terima dan untuk semua hutang yang dianggap ragu.

(g) Faedah pekerja

(i) Faedah pekerja jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji, bonus dan faedah bukan wang adalah terakru dalam tahun kewangan yang mana perkhidmatan yang berkaitan telah diberikan oleh para pekerja Syarikat.

(ii) Pelan sumbangan tertakrif

Pelan sumbangan tertakrif adalah pelan pencen di mana Syarikat membayar sumbangan tetap ke dalam entiti yang berlainan (sebuah dana). Syarikat tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar sumbangan tambahan jika dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah para pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan sebelum.

Company No.

277714

A

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)

DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

(g) Faedah pekerja (bersambung)

(ii) Pelan sumbangan tertakrif (bersambung)

Sumbangan Syarikat untuk pelan sumbangan tertakrif adalah dicaj ke dalam penyata pendapatan tahun kewangan yang berkaitan. Apabila sumbangan telah dibuat, Syarikat tidak mempunyai apa-apa obligasi pembayaran lagi.

(h) Keputusan-keputusan pengunderaitan insurans hayat

Lebih yang boleh dipindah daripada dana insurans Hayat kepada penyata pendapatan adalah berasaskan lebih yang ditentukan oleh penilaian aktuarial tahunan liabiliti jangka panjang kepada pemegang-pemegang polisi, telah dibuat selaras dengan peruntukan Akta Insurans, 1996 oleh aktuari syarikat yang dilantik. Sekiranya penilaian aktuari menunjukkan bahawa pemindahan diperlukan daripada dana Pemegang Saham, pemindahan daripada penyata pendapatan kepada dana insurans hayat dibuat dalam tahun penilaian aktuari.

Pendapatan premium

Pendapatan premium meliputi premium yang diiktiraf dalam dana Hayat dan dana Pelaburan - berkaitan.

Pendapatan premium dana Hayat diiktiraf sebaik sahaja jumlah premium boleh diukur secara diyakini. Premium pertama dikenalpasti pada tarikh permulaan dan premium berikutnya diiktiraf apabila ia perlu dibayar.

Pada akhir tahun kewangan, semua premium perlu dibayar dikira sehingga tahap ia boleh diukur secara diyakini.

Premium insurans semula luaran diiktiraf dalam tempoh perakaunan sama sepertimana polisi asas yang berkaitan dengan insurans semula.

Pendapatan premium dari dana Pelaburan – berkaitan mengenai pewujudan bersih unit – unit yang mewakili premium dibayar oleh pemegang polisi sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran seterusnya untuk menambahkan jumlah kontrak. Pewujudan unit bersih dikenal pasti sebagai penerimaan asas.

Komisen dan perbelanjaan agensi

Komisen dan perbelanjaan agensi, yang merupakan kos ditanggung secara langsung dalam memperolehi premium ke atas polisi-polisi insurans, pendapatan bersih yang diperolehi daripada syarikat insurans semula apabila menyerahkan premium kepada insurans semula, dicajkan kepada akaun hasil insurans hayat dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Peruntukan bagi tuntutan

Kos tuntutan dan pembayaran yang ditanggung semasa tahun kewangan dikenal pasti apabila peristiwa boleh dituntut berlaku dan/atau syarikat insurans dimaklumkan.

UNI.ASIA LIFE ASSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2006 (BERSAMBUNG)

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (BERSAMBUNG)

